

Jenis Akhbar : Kosmo
Tarikh : 20/03/2021
Edisi / Muka Surat : Nasional / 32
Tajuk : ANGKASA-UKM jalin kerjasama tanam pokok



ABDUL FATTAH (depan, tiga dari kanan) bersama Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat) Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Norman Mohd. Saleh (depan, dua dari kiri) meletakkan tag nama pada pokok Kelumpang Burung sebagai simbolik memeterai MoA baru-baru ini.

Angkasa-UKM jalin kerjasama tanam pokok

USAHASAMA. Menyedari kepentingan bagi memulihara hutan dan alam sekitar, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan Universiti Kebangsaan Malaysia Berhad (UKM) memeterai memorandum persefahaman (MoA) baru-baru ini.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jalinan kerjasama itu adalah untuk penganjuran serta pelaksanaan program

tanggungjawab sosial koperasi, COOPCare Koperasi Prihatin Sejuta Pokok.

Menurutnya, program itu bertujuan meningkatkan kefahaman tentang kepentingan pemuliharaan hutan menerusi 6.1 juta ahli daripada 14,668 buah koperasi yang bakal merealisasikan matlamat tersebut.

"Program ini juga akan memfokuskan kepada penanaman semula pokok-

pokok sama ada di kawasan hutan, rizab hutan, kawasan awam, institusi dan sebagainya.

"Ia adalah salah satu cara untuk menangani masalah pelepasan karbon yang meningkat setiap tahun.

"Selain itu, ia bagi menyokong agenda nasional untuk menanam 100 juta pokok menjelang tahun 2025 yang juga sebahagian daripada Program Penghijauan Malaysia," kata beliau.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA